



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46

17hb Januari 2002

No. 2

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

EXCISE ACT 1976

(Act 176)

No. 6.

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS

LICENSING BOARD MEETING

NOTIS

NOTICE

Notis adalah diberikan bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais, Melaka Tengah, Negeri Melaka bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Daerah Melaka Tengah pada jam 2.30 petang pada tarikh-tarikh yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual.

2. Semua permohonan untuk lesen-lesen baru, pembaharuan lesen-lesen atau pindah milik lesen-lesen bagi tempoh lesen yang dinyatakan dalam ruang (2) dan untuk menukar alamat hendaklah dibuat dalam Borang “Eksais 27” yang ditetapkan (dalam empat salinan) dan dihantar kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan Eksais, Melaka Tengah di alamat Pejabat Daerah Melaka Tengah, Blok C, Wisma Negeri, Jalan Hang Tuah, 75692 Melaka tidak lewat daripada tarikh tutup permohonan yang dinyatakan dalam ruang (3). Permohonan lewat akan didenda.

3. Permohonan untuk lesen-lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon itu sendiri—

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan atau tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh dua minggu sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu dalam akhbar-akhbar tempatan selama dua hari berturut-turut dalam tempoh yang tersebut dalam perenggan (a), dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke pejabat yang tersebut di atas.

JADUAL

(1) Tarikh Mesyuarat	(2) Tempoh Lesen	(3) Tarikh Tutup Permohonan
22 Januari 2002	1 Januari 2002 hingga 31 Disember 2002	3 Januari 2002
26 Mac 2002	1 April 2002 hingga 31 Disember 2002	4 Mac 2002
25 Jun 2002	1 Julai 2002 hingga 31 Disember 2002	7 Jun 2002
24 September 2002	1 Oktober 2002 hingga 31 Disember 2002	6 September 2002

[PDMT 4/1-1 Jld. IV; PUN(M)223/6 klt. 8.]

MINHAD BIN ABU YAMIN,
b.p. Pengerusi,
Lembaga Pelesenan Eksais
Melaka Tengah

Notice is given that the Excise Licensing Board Meeting for the District of Central Malacca, in the State of Malacca for intoxicating drinks, will be held at the Meeting Room, District Office, Central Malacca at 2.30 p.m. on the dates as specified in the column (1) of the Schedule.

2. All applications for new licences, renewal of licences or transfer of licences for the period as specified in the column (2) and for the change of address must be made on the prescribed form "Excise 27" (in quadruplicate) and shall be submitted to the Chairman of the Central Malacca Excise Licensing Board addressed to the Central Malacca District Office, Block C, Wisma Negeri, Jalan Hang Tuah, 75692 Malacca, not later than the closing dates of applications as specified in column (3). A fine will be imposed on late applications.

3. All application for new licences must be advertised at the applicant's own expenses—

- (a) by displaying copy of the application at the building or place where the business is to be carried on within a period of two weeks before the meeting takes place; and

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

17hb Jan. 2002]

77

- (b) by advertising in local newspapers for two consecutive days within the period mentioned in paragraph (a), and the cuttings of the advertisements to be submitted to the office mentioned above.

SCHEDULE

(1) Date of Meeting	(2) Duration of the Licence	(3) Closing Date of Application
22 January 2002	1 January 2002 to 31 December 2002	3 January 2002
26 March 2002	1 April 2002 to 31 December 2002	4 March 2002
25 June 2002	1 July 2002 to 31 December 2002	7 June 2002
24 September 2002	1 October 2002 to 31 December 2002	6 September 2002

[PTMT /4-1 Jld. IV; PUN(M)223/6 klt. 8.]

MINHAD BIN ABU YAMIN,
On behalf of Chairman,
Excise Licensing Board
Central Malacca

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 7.

(Seksyen 263)

PERINTAH-PERINTAH JUAL ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya Roslan bin Ibrahim, Pentadbir Tanah Melaka Tengah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah berpuas hati bahawa tidak ada sebab yang bertentangan:

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah:

- bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Jumaat, 11 Januari 2002, puluk 10.30 pagi; dan
- bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM166,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada 4-10-2001 ialah sebanyak RM107,638.39.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Balai Panjang. No. Lot/P.T.—71. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 8/84. Bahagian Tanah—Semua. No. Berdaftar Gadaian—Perserahan No. 3218/90, Jilid 1, Folio 56. (Satu Hakmilik sahaja).

Bertarikh 4 Oktober 2001.
[PTMT: B1/(J) 55/2K (12).]

ROSLAN BIN IBRAHIM,
Pentadbir Tanah Daerah,
Melaka Tengah

No. 8.

Saya Siti Hijer bte Hj. Othman, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan:

Dengan ini pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam yang akan diadakan pada 9 Februari 2002 jam 9.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM48,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM51,665.41.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kelemak. No. PT.—211. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 189. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Gadaian Per. No. 872/86, Jilid 85, Folio 36.

Bertarikh 4 Januari 2002.
[PTAG. B1/04/3/2001 (17).]

SITI HIJER BTE HJ. OTHMAN,
Penolong Pentadbir Tanah,
b.p. Pentadbir Tanah Daerah,
Alor Gajah

WARTA KERAJAAN NEGERI MELAKA

17hb Jan. 2002]

79

No. 9.

(Seksyen 265(2))

PEMBERITAHU PENARIKAN BALIK DAN TARikh JUALAN LELONG AWAM

Saya Roslan bin Ibrahim, Pentadbir Tanah Daerah Melaka Tengah, memberitahu bahwasanya tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini dengan perintah telah mengisyiharkan melalui Notis Borang 16H (Seksyen 263) bertarikh 12-2-2001 supaya dijual dengan lelongan awam pada 18-5-2001 dengan harga rizab RM136,000.00 di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah, Melaka mengikut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara.

Dan bahwasanya mengikut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 265(2) Kanun Tanah Negara, saya dengan ini menarik balik penjualan tersebut oleh kerana tiada tawaran diterima pada atau di atas harga rizab yang ditetapkan.

Dan selanjutnya saya memberitahu bahawa jualan dengan lelong awam tanah yang tersebut itu akan diadakan di tempat yang sama pada hari Khamis 10 Januari 2002 pulak 10.15 pagi dengan harga rizab RM136,000.00.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bachang. No. Lot/PT—4919. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 602. Bahagian Tanah—Semua. No. Daftar Gadaian—Perserahan No. 4082/99, Jilid 333, Folio—65. (Satu Hakmilik sahaja).

Bertarikh 7 Disember 2001.
[PTMT: B1(J) 87/2K (23).]

ROSLAN BIN IBRAHIM,
Pentadbir Tanah Daerah,
Melaka Tengah

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

No. 10.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

PEMBETULAN-PEMBETULAN

Dalam Jadual kepada Notis Perisythiaran-Perisythiaran Pengambilan Yang Dicadangkan yang disiarkan sebagai M.P.A. 178 bertarikh 27 September 2001 dalam ruang bagi No. Lot Ukur, gantikan angka “1525” dengan angka “1252”.

Bertarikh 13 Disember 2001.
[PTG(M) PK/1/27: PUN(M)223/6 Klt. 8.]

JAAFAR BIN ABU,
Pengarah Tanah dan Galian,
Melaka

No. 11.

Dalam Notis Perisyiharan-Perisyiharan Pengambilan Yang Dicadangkan yang disiarkan sebagai M.P.A 168 bertarikh 13 September 2001, gantikan perkataan “Untuk tujuan rizab parit” dengan perkataan “Untuk tujuan rizab jalan”.

Bertarikh 13 Disember 2001.

[PTG(M) PK/1/18: PUN(M)223/6 Klt. 8.]

JAAFAR BIN ABU,
Pengarah Tanah dan Galian,
Melaka

No. 12.

Dalam Jadual kepada Perisyiharan-Perisyiharan Pengambilan Yang Dicadangkan yang disiarkan sebagai M.P.A 169 bertarikh 13 September 2001 bagi Mukim—Padang Sebang dalam ruang bagi Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—

- (a) gantikan perkataan “Fatimah bte Wahab 1/6 bhg., Sameah bte Ab. Ghani 1/2 bhg. dan Sapiah bte Mat Hasin 1/3 bhg. dengan perkataan “Medan Kartika Sdn. Bhd. 1/1 bhg.” dan
- (b) gantikan perkataan “Medan Kartika Sdn. Bhd. 1/1 bhg.” dengan perkataan “Fatimah bte Wahab 1/6 bhg., Sameah bte Ab. Ghani 1/2 bhg. dan Sapiah bte Mat Hasin 1/3 bhg.”.

Bertarikh 13 Disember 2001.

[PTG(M) B/A1/01/450: PUN(M)223/6 Klt. 8.]

JAAFAR BIN ABU,
Pengarah Tanah dan Galian,
Melaka

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA